

26/09/2001

Pertaruhan tauke antara faktor penentu

Manja Ismail

KETIKA ramai beranggapan langkah DAP mengumumkan keluar daripada Barisan Alternatif Sabtu lalu kerana membantah pendirian Pas untuk menubuhkan negara Islam sebagai tamparan hebat kepada pakatan pembangkang, parti itu kini menaruh harapan tinggi untuk memperbaiki pencapaiannya pada pilihan raya Sarawak kali ini.

Dengan meletakkan calonnya di 13 daripada 62 kerusi, DAP yang menyertai pilihan raya negeri ini buat kali kedua memberi tumpuan kepada empat kawasan majoriti Cina di Sibul, menentang calon Barisan Nasional (BN) daripada Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP).

Selain memilih bandar ini sebagai tempatnya melancarkan manifesto Sabtu lalu, beberapa pemimpin kanan DAP Pusat berada di sini sejak beberapa hari. Bekas Ketua Pemuda DAP, Lim Guan Eng berada di sini sejak Ahad lalu, manakala bapanya, Lim Kit Siang tiba, kelmarin.

Secara kebetulan, kelmarin juga Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri Majlis Bersama Rakyat di Lapangan Terbang Sibul.

Empat daripada lima kerusi di sekitar Sibul mempunyai pengundi majoriti Cina iaitu Bukit Assek dengan 93.8 peratus, Dudong (52 peratus), Bawang Assan (65 peratus) dan Pelawan (93 peratus).

Pada pilihan raya negeri lalu, parti itu menang tiga daripada enam kerusi yang ditandinginya termasuk Pelawan dan Bukit Assek. Satu lagi di Kidurong dalam Bahagian Bintulu. Bagaimanapun, DAP kehilangan Kidurong pada pilihan raya kecil selepas itu, manakala awal tahun ini, Adun Pelawan, Jason Wong Sing Nang keluar parti menjadikan hanya satu kerusi milik DAP sebelum Dewan Undangan Negeri dibubarkan awal bulan ini.

Bagi menyahut cabaran DAP itu, SUPP menawarkan 'Team Wawasan' merangkumi empat calon BN iaitu Daniel Ngieng (Bukit Assek), Datuk Wong Soon Koh (Bawang Assan), Dr Soon Choon Teck (Dudong) dan Vincent Goh (Pelawan). Keempat-empat mereka dibantu Ahli Parlimen Sibul, Robert Lau bergerak secara berkumpulan menemui pengundi dari rumah ke rumah selain muncul di pentas ceramah bersama pemimpin BN lain.

Justeru, tidak hairanlah apabila perhatian kali ini tertumpu kepada empat kerusi itu dengan Pelawan dan Bukit Assek dianggap paling sengit kerana dimenangi oleh DAP dalam pilihan raya negeri lalu.

Ngieng, setiausaha politik Ketua Menteri yang bertanding satu lawan satu dengan penyandang, Pengerusi DAP negeri, Wong Ho Leng, berkata peluangnya untuk memenangi kerusi panas itu ialah 50-50.

Bagaimanapun menyedari sukar untuk menyanggah kempen BN yang kekal dengan isu pembangunan dan perpaduan, DAP turut mengubah pendekatannya kali ini kepada nada yang menagih simpati.

Antara ayat yang terkandung dalam manifesto DAP berbunyi: "Kami hanya mengharapkan sejumlah kecil kerusi supaya boleh mengawasi pentadbiran kerajaan. Tolong benarkan kami menjadi mata anda dalam Dewan Undangan Negeri."

Guan Eng sendiri ketika ditanya mengenai peluang DAP dalam pilihan raya kali ini berkata, walaupun langkah keluar daripada pakatan dianggap boleh menarik sokongan pengundi Cina, perkembangan ekor serangan ke atas Amerika Syarikat boleh menyebabkan penyokong parti itu beralih kepada BN.

Namun kepada mereka yang mengikuti perkembangan DAP, pendekatan seperti itu adalah taktik lama parti berkenaan untuk menagih simpati pengundi. Bezanya ia pertama kali digunakan di Sarawak.

"Anda tentu ingat bagaimana Kit Siang berjanji untuk berundur jika tewas

di Pulau Pinang pada beberapa pilihan raya sebelum ini sehinggalah meletakkan jawatan sebagai setiausaha agung selepas pilihan raya umum lalu tetapi terus menguasai parti sebagai pengerusi," kata seorang pemimpin MCA yang membantu kempen BN di Sibu.

Beliau juga menyifatkan pengumuman DAP keluar daripada pakatan pembangkang ekoran `perbalahan' dengan Pas berhubung penubuhan negara Islam tidak lebih daripada sandiwara.

Katanya, pakatan pembangkang mengulangi taktik Lunas dalam pilihan raya ini tetapi dalam bentuk yang lebih meyakinkan bahawa mereka benar-benar berpecah.

"DAP sedar pengundi Cina di Sarawak belum boleh menerima kerjasamanya dengan Pas sehingga ia tidak menang satu kerusi pun di negeri ini pada pilihan raya Parlimen 1999.

"Oleh itu, DAP rela keluar sekejap daripada pakatan pembangkang bagi menghadapi pilihan raya ini dan kembali semula menjelang pilihan raya umum 2004 nanti," katanya.

Bagi BN, kebimbangan terhadap beberapa kerusi panas di Sibu kali ini bukan kerana taktik atau kempen DAP tetapi satu faktor lain yang mereka percaya boleh memberikan keputusan negatif pada Khamis ini iaitu pertaruhan.

Memang bukan rahsia lagi di kalangan kawasan penduduk majoriti Cina di Sarawak, pilihan raya turut menjadi medan mereka bertaruh. Malah, bekas Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Wong Soon Kai dikatakan menjadi mangsa pertaruhan beberapa tauke Cina apabila beliau tewas di Bukit Assek pada pilihan raya negeri 1996.

(END)